

3

**SOALAN NO. : 16**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2017 (RABU)**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI SUMBER  
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan mengapa Kerajaan Pusat  
mendakwa bahawa RM2.58 bilion telah digunakan untuk projek tebatan  
banjir Pulau Pinang dari RMK9 - RMK11 sedangkan maklumat JPS  
menunjukkan hanya RM443 juta dibelanjakan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, RM2.6 bilion adalah kos projek-projek yang dilaksanakan di Pulau Pinang dalam RMKe-9 sehingga RMKe-11. Kos projek bukannya bermaksud kos peruntukan yang diluluskan. Kos sesuatu projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia sebelumnya dan disambung pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia berikutnya, masih dengan nilai yang sama seperti dalam Rancangan Malaysia sebelumnya.

Sejumlah RM1.254 billion telah diperuntukkan dan dibelanjakan sepanjang RMKe-5 hingga RMKe-11. Manakala dalam RMKe-9 hingga RMKe-11, sebanyak RM1.048 bilion telah diperuntukkan dan dibelanjakan. Dalam RMKe-11 sahaja, terdapat 8 projek yang telah diluluskan untuk dilaksanakan melibatkan negeri Pulau Pinang dengan peruntukan sebanyak RM35 juta. Ini termasuklah projek-projek yang melibatkan negeri-negeri bersempadanan iaitu projek RTB Lembangan Sungai Muda dan RTB Lembangan Sungai Kerian.

Peruntukan yang diluluskan setiap tahun adalah bergantung kepada keperluan sebenar aliran tunai setiap projek yang dilaksanakan dan tertakluk kepada siling kos projek yang ditetapkan. Selagi projek belum siap, peruntukan boleh dipohon dalam tahun-tahun berikutnya.

Sehubungan dengan itu, tidak timbul isu peruntukan yang hilang dan pihak negeri melalui jabatan berkaitan boleh memohon dalam bajet tahunan bagi projek yang belum siap dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN  
HAJI NASARAH [LENGGONG]**  
**TARIKH** : **29 NOVEMBER 2017 [RABU]**  
**SOALAN** : **17**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh mana penglibatan serta sumbangan MOSTI dalam memperkasakan "food security" di dalam negara. Berikan contoh projek/program dan outcome.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa menyokong usaha Kerajaan untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi sekaligus dapat membantu mengurangkan kebergantungan negara terhadap sumber makanan dari luar. Dalam hal ini, MOSTI telah pun melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah memperkasa *food security* di dalam negara.

Antara inisiatif tersebut adalah melalui penawaran Dana R&D MOSTI bagi penyelidikan dan pembangunan projek berkaitan *food security*. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, MOSTI telah meluluskan peruntukan

sebanyak RM17.67 juta bagi membiayai 85 projek berkaitan *food security*. Manakala di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas pula, MOSTI telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.17 juta bagi membiayai 3 projek berkaitan *food security*.

Antara projek R&D yang dibangunkan ialah Sistem Pengeluaran Padi Aerob. Projek ini dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan industri (FELCRA) dengan jumlah kelulusan sebanyak RM800,000.00. Projek ini bertujuan untuk menyumbang kepada industri beras nasional dengan meningkatkan pendapatan petani. Penambahbaikan sistem pengeluaran padi aerob yang lestari dapat membantu golongan sasaran di kawasan yang menghadapi masalah kekurangan air seterusnya membantu meningkatkan pengeluaran beras negara.

Selain itu, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) juga menjalankan R&D berteraskan teknologi nuklear. Teknologi ini diaplikasikan dalam bidang pembiak bakaan tanaman, pengurusan agroekosistem untuk meningkatkan produktiviti hasil pertanian serta pembangunan bioproduk dan bioproses.

Melalui aktiviti R&D yang dijalankan, Nuklear Malaysia telah berjaya menghasilkan benih baharu tanaman termasuk benih tanaman padi, pisang dan kacang tanah. Benih baharu tanaman ini mempunyai ciri-ciri yang lebih baik seperti memberi hasil yang lebih banyak, berkualiti tinggi serta tahan penyakit.

Sebagai contoh, benih baharu pisang yang dihasilkan yang dikenali sebagai Pisang Novaria, telah berjaya dikomersialkan melalui usahasama

Nuklear Malaysia dengan syarikat United Plantation Sdn Bhd. Benih ini telah dipasar dan digunakan oleh pengusaha ladang pisang dan petani di seluruh negara.

Selain aktiviti R&D, MOSTI juga melaksanakan dua program di bawah seliaan Bioeconomy Corporation iaitu Program Transformasi Bioekonomi (BTP) dan Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP).

Program Transformasi Bioekonomi (BTP) memberi tumpuan kepada industri dan sektor ekonomi yang menghasil, mengurus dan menggunakan sumber-sumber biologi misalnya pertanian, perhutanan, perikanan dan pengeluaran makanan. Sehingga kini, Bioeconomy Corporation telah melaksanakan sebanyak 15 projek BTP berkaitan *food security* seperti projek penghasilan cendawan, penanaman buah-buahan, penternakan akuakultur dan pengeluaran biji benih. Projek-projek ini dijangka akan menjana Pendapatan Negara Kasar (PNK) sebanyak RM819.6 juta pada tahun 2020.

Bagi pelaksanaan Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP), ia lebih tertumpu kepada penghasilan bahan mentah untuk dibekalkan kepada syarikat peneraju untuk diproses menjadi produk hiliran. Program yang dilaksanakan ini mampu meningkatkan pendapatan golongan petani dan mengurangkan kebergantungan terhadap import bahan mentah.

Selain itu, sebahagian besar daripada projek BCDP ini merangkumi aktiviti penghasilan bahan makanan misalnya madu, cendawan, nanas, herba, tenusu, ikan, udang, tiram dan rumpai laut. Secara keseluruhan, BCDP mampu untuk menjana pendapatan purata sebanyak RM4,500 bagi setiap ahli komuniti atau peserta sebulan. Sehingga Oktober 2017,

19

sejumlah 36 projek BCDP yang melibatkan 2,832 peserta telah berjaya dilaksanakan di pelbagai lokasi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh MOSTI menunjukkan komitmen berterusan Kementerian untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti sektor pertanian negara melalui Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) bagi faedah serta manfaat kepada rakyat dan negara.